

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

12 AUG MEMPERKUKUH KEFAHAMAN PENYUSUAN IBU MELALUI BENGKEL ULANGAN LAKTASI

KUBANG KERIAN, 10 Ogos 2015 – Pengalaman dan kepakaran yang terdapat di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dimanfaatkan melalui perkongsian dengan 30 orang kakitangan Hospital Pakar Perdana (KPJ) Kota Bharu dalam Bengkel Ulangan Laktasi sebagai kesinambungan dari bengkel yang sama tahun lalu.

Bengkel Pengurusan Laktasi 20 jam pernah diadakan sebagai susulan sekurang-kurangnya selepas enam bulan ia dilaksanakan.

"Bengkel ini bertujuan mengingatkan semula sesetengah kemahiran yang lama ditinggalkan serta dapat membantu peserta untuk kembali mengingati teknik-teknik penyusuan untuk mengamalkannya dengan lebih berkesan," kata Nazirah.

Nazirah berkata, bengkel ini diadakan selama satu hari dengan pengisian-pengisian baru yang lebih bersifat praktikal dengan mengubahsuai pengetahuan sebelum ini untuk diaplikasikan di kawasan klinikal dengan memperkenalkan topik baru iaitu "Pendidikan kepada ibu-ibu yang tidak menyusu dengan susu ibu.

"Bengkel ini dijalankan menggunakan teknik pembelajaran 'SCORPIO' iaitu semasa sesi praktikal, peserta akan dibahagikan kepada empat kumpulan kecil dan diberi penerangan, demonstrasi serta melakukannya sendiri dengan memberi maklum balas terhadap perkara yang telah dilakukan seperti yang digunakan dalam projek 'Sea-Urchin' yang ternyata berkesan," jelasnya lagi.

Teks: Wan Salizawati Wan Ismail/Foto: Ehsan Sekretariat Laktasi



Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015